

K 8811 BAH
MAHATHIR - NAMIBIA

SUBANG, 19 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MENASIHATI KONTINJEN TENTERA MALAYSIA BAGI PASUKAN PENGAMAN BANGSA-BANGSA BERSATU DI NAMIBIA SUPAYA MENJALANKAN TUGAS DENGAN TERTIB DAN SENTIASA MENJAGA NAMA BAIK NEGARA.

KATA BELIAU, TUGAS ITU AMAT BERAT KERANA MEREKA ADALAH ANGGOTA TENTERA YANG MEWAKILI MALAYSIA DAN HENDAKLAH SEDAR AKAN KHIDMAT MEREKA KE ARAH USAHA BANGSA-BANGSA BERSATU UNTUK MEMBOLEHKAN NAMIBIA MEMPEROLEHI KENERDEKAAN.

+TUGAS SAUDARA-SAUDARA DI SANA AMAT BERAT DAN PEMERGIAN BUKANLAH SEBAGAI PELANCONG+, KATANYA SEMASA MENGUCAPKAN SELAMAT JALAN KEPADA 210 ANGGOTA KUMPULAN KEDUA KONTINJEN ITU YANG AKAN BERTUGAS DALAM PASUKAN PENGAMAN BANGSA-BANGSA BERSATU DI NAMIBIA, DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUALA LUMPUR DI SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENINGGATI BAHAWA MEREKA AKAN MENGHADAPI BAHAYA TERTENTU DI SANA KERANA NAMIBIA MASIH DALAM SUASANA PEPERANGAN.

BELIAU BERKATA PASUKAN TENTERA MALAYSIA MUNGKIN TERSEPIT DALAM PEPERANGAN YANG BELUN TAMAT DI NEGARA WILAYAH BARAT DAYA AFRIKA ITU JIKA MEREKA TIDAK BERHATI-HATI DALAM MENJALANKAN TANGGUNGJAWAB MEREKA. - - LAGI

2358MST 190 4 89

0454

R 8812 B A H
MAHATHIR - NAMIBIA 2 SUBANG

DATUK SERI DR MAHATHIR BERHARAP PASUKAN TENTERA MALAYSIA DAPAT MEMBANTU USAHA BAIK BANGSA-BANGSA BERSATU TANPA MENCEMARMAN NAMA NEGARA INI.

BELIAU BERKATA KERAJAAN AMAT MENGHARGAI PENGORBANAN PARA ANGGOTA SERTA KELUARGA MASING-MASING UNTUK BERKHIDMAT DI NAMIBIA.

BELIAU JUGA GEMBIRA DAN BANGGA ATAS KESUDIAN BANGSA-BANGSA BERSATU MEMILIH PASUKAN TENTERA MALAYSIA UNTUK BERTUGAS DI NEGARA WILAYAH BARAT DAYA AFRIKA.

YANG TURUT HADIR PADA UPACARA PEMERGIAN KONTINJEN MALAYSIA IALAH DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH MOHAMAD ALI, MENTERI PERTAHANAN, T E N G K U AHMAD RITHAUDDEEN, TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN, DATUK ABANG ABU BAKAR MUSTAPHA, PANGLIMA ANGGOTA TENTERA JEN TAN SRI NOHAMED HASHIM ALI DAN PANGLIMA TENTERA DARAT JEN TAN SRI YAACUB MOHAMEO ZAIN.

PARA ANGGOTA KELUARGA DAN SAUDARA MARA ANGGOTA-ANGGOTA JUGA TURUT BERADA DI LAPANGAN TERBANG.

KUMPULAN KEDUA ANGGOTA TENTERA MALAYSIA, YANG TERDIRI DARIPADA ANGGOTA BATALION KE-17 REJIMEN ASKAR MELAYU DIRAJA, BERLEPAS KE NAMIBIA DENGAN SEBUAH PESAWAT YANG DISEWA KHAS OLEH BANGSA-BANGSA BERSATU. -- LAGI

0009MST 20 04 89

R 8813 BAH
MAHATHIR - NAMIBIA 3 SUBANG

SERAMAI 894 ASKAR MALAYSIA AKAN BERKHIDMAT DENGAN PASUKAN KETENTERAAN KUMPULAN BANTUAN PERALIHAN BANGSA-BANGSA BERSATU (UNTAG) YANG MEMPUNYAI 4,650 ANGGOTA.

NEGARA-NEGARA LAIN YANG MENGHANTAR ASKAR KE NAMIBIA IALAH FINLAND DAN KENYA.

UNTAG DITUBUHKAN UNTUK MENGAWAI PELAKSANAAN KETETAPAN 435 (1978) BANGSA-BANGSA BERSATU YANG MERINTIS JALAN KE ARAH KENERDEKAAN NAMIBIA, YANG DIPERINTAH SECARA +APARTHEID+ OLEH AFRIKA SELATAN SEJAK 74 TAHUN YANG LEPAS.

- - BERNAMA
0010MST 20 04 89